
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMG 214– Geografi Wilayah Asia Tenggara

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

SATU soalan MESTI dijawab daripada setiap Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Soalan KEEMPAT boleh dipilih daripada MANA-MANA Bahagian SAMA ADA daripada Bahagian A, Bahagian B ATAU Bahagian C.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap jawapan membawa 100 markah maksimum.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Bincangkan kelainan ciri-ciri ketara di antara kawasan Tanah Besar Asia Tenggara dengan kawasan Kepulauan Asia Tenggara terutama dalam konteks fisiografi, saliran, iklim dan vegetasi.
(100 markah)
2. Jelaskan tindakan politik, sosial dan ekonomi yang perlu diambil bagi mengurangkan konflik antara kerajaan pusat dengan kerajaan wilayah dalam konteks sama ada negara Indonesia atau Filipina bagi mengeratkan integrasi nasional.
(100 markah)

BAHAGIAN B

3. Dengan merujuk kepada sebuah negara Asia Tenggara terpilih, perincikan implikasi positif dan negatif akibat pertumbuhan pesat populasi dan proses urbanisasi di negara berkaitan.
(100 markah)
4. Bincangkan faktor-faktor politik, yang mencorakkan trend migrasi negara Indonesia bagi tempoh 1970 hingga 2000.
(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN C

5. Jadual 1 : Petunjuk Ekonomi Malaysia, 1981 – 1996

	1981 – 85	1986- 1990	1991	1995
Kadar pertumbuhan KDNK (%)	5.2	6.8	8.6	9.5
KDNK mengikut Sektor (%)				
Pertanian	21.4	20.7	17.2	13.5
Perlombongan	9.8	10.4	9.2	7.5
Pembuatan	19.6	24.1	28.2	33.1
Lain-lain	49.1	44.9	45.4	45.9
Perbankan sektor swasta (US\$ juta)	15,813	24,676	38,244	76,413

Sumber : The Asia Development Bank (pelbagai tahun)

Dengan merujuk Jadual 1 di atas : -

- (a) Bincangkan peranan sektor-sektor tersebut di atas dalam pencetusan transformasi struktur ekonomi negara Malaysia.
(50 markah)
- (b) Huraikan implikasi perubahan dalam (a) terhadap peluang pekerjaan mengikut sektor dan taburan aktiviti mengikut kawasan (wilayah).
(50 markah)
6. Bincangkan bentuk kerjasama dwihala yang boleh disumbangkan oleh negara anggota ASEAN lama dengan rakan negara anggota ASEAN baru.
(100 markah)

- 000 0 000 -

